

NOTA EFEKTIF



LAHIRNYA SEBUAH CINTA

PEMBENTUKAN MALAYSIA



Sebab-sebab Pembentukan Malaysia

Menjamin Keselamatan Negara

- Singapura dan Sarawak menghadapi ancaman komunis
- Pihak komunis berusaha menjadikan Sarawak sebagai sebuah negara komunis bagi menyebarkan pengaruhnya di Asia Tenggara
- Persekutuan Tanah Melayu telah mempunyai pengalaman dalam menghadapi ancaman komunis

Mencapai Keseimbangan Kaum

Pembentukan Malaysia membentuk keseimbangan kaum

Memajukan Sosioekonomi

- Meningkatkan permintaan pasaran barangan tempatan
- Dapat menarik pelabur luar
- Memajukan taraf hidup rakyat

LANGKAH-LANGKAH PEMBENTUKAN MALAYSIA

1

Mei 1961

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah menyatakan gagasan pembentukan Malaysia.

2

Julai 1961

- Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM) dibentuk
- JPPM telah mencapai kata sepakat menyokong pembentukan Malaysia

3

Januari 1962

- Kerajaan Tanah Melayu dan British menubuhkan Suruhanjaya Cobbold
- Suruhanjaya ini dianggotai oleh Lord Cobbold, Anthony Abell, Sir David Watherston, Tan Sri Wong Pow Nee dan Tun Muhammad Ghazali bin Shafie

4

September 1962

- Satu referendum telah diadakan di Singapura
- Rakyat Singapura mahu menyertai Malaysia

5

Julai 1963

- Persetujuan telah dicapai untuk menubuhkan Malaysia
- Perjanjian Malaysia telah ditandatangani

6

Ogos 1963

- Indonesia dan Filipina menentang pembentukan Malaysia
- Tanah Melayu, Indonesia dan Filipina menyerahkan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mencari penyelesaian
- Wakil PBB meninjau sekali lagi pandangan penduduk Borneo Utara dan Sarawak
- Majoriti penduduk Borneo Utara dan Sarawak menerima idea pembentukan Malaysia

7

September 1963

- Malaysia telah diisytiharkan pada 16 September 1963

PENGISYTIHARAN MALAYSIA



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengisytiharkan Pemasyhuran Malaysia di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.




Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein, Timbalan Perdana Menteri, mengisytiharkan Pemasyhuran Malaysia di Kota Kinabalu, Sabah.



Stephen Kalong Ningkan bersama-sama dengan Gabenor Negeri Sarawak yang baru iaitu Tun Abang Haji Openg berserta dengan wakil dari Persekutuan Tanah Melayu, Khir Johari memasyhurkan pengisytiharan Pembentukan Malaysia di Padang Central, Kuching, Sarawak pada 16 September 1963.

NEGERI-NEGERI YANG MEMBENTUK MALAYSIA



TERIMA KASIH PEMIMPIN



Tunku Abdul Rahman
Putra Al-Haj



Tun Abdul Razak bin
Dato' Hussein



Lee Kuan Yew




Tun Muhammad Ghazali
bin Shafie



Tun Datu Mustapha bin
Datu Harun



Tun Muhammad
Fuad Stephen



Tan Sri Datuk
Amar Stephen
Kalong Ningkan



Tun Temenggong Jugah
Anak Barieng



Tan Sri Datuk Amar
Ong Kee Hui

MUAFAKAT MEMBAWA BERKAT



SAMBUTAN HARI MALAYSIA

- Hari Malaysia disambut setiap tahun pada 16 September untuk memperingati penubuhan Malaysia
- Hari Malaysia merupakan hari cuti umum di Malaysia mulai tahun 2010
- Pemimpin Persekutuan dan negeri bersama-sama dengan masyarakat berbilang kaum mengibarkan Jalur Gemilang